

AkzoNobel cipta

'aura' warna

Laksana pelbagai kajian, inovasi
penuhi kehendak pengguna



**HASLIZA
HASSAN**

hasliza@bharian.
com.my

Penggunaan warna boleh mempengaruhi perasaan kerana ada warna membangkitkan perasaan gembira, menyebabkan sedih, ada warna memberi ketenangan malah warna juga boleh menjadi terapi penyembuhan penyakit.

Bagaimanapun, penerimaan terhadap warna berbeza antara negara serta budaya masyarakatnya. Apa yang pasti, warna menghiasi seluruh ruang hidup. Profesional yang bekerja dengan warna sedar akan kuasa warna untuk mempengaruhi serta membangkitkan reaksi.

Ketua Pusat Warna dan Rekaan Sejagat AkzoNobel (Pusat Estetik AkzoNobel), Heleen van Gent, berkata apa yang kita lihat di sekeliling boleh memberi inspirasi untuk menghasilkan warna yang akan mempengaruhi perasaan serta kesejahteraan diri.

Katanya, warna juga berperanan sebagai elemen penting untuk mengindahkan ruang serta persekitaran dan bagi tujuan itu semestinya kita memerlukan warna-warna yang cantik lagi unik.

"Sebab itu antara cara untuk menghasilkan warna ialah melihat apa yang berlaku dalam masyarakat. Ini penting sebagai isyarat supaya kita dapat membuat pilihan warna yang tepat kerana budaya serta kehidupan turut menjadi inspirasi pada pemilihan

warna," katanya.

Beliau yang memiliki pengalaman 20 tahun dalam bidang rekaan dalaman selain menjadi editor majalah turut mengakui peluang melihat keindahan negara

lain boleh mencetuskan penghasilan warna yang bakal menjadi kegemaran pengguna.

Kongsi maklumat

Heleen berkongsi maklumat itu dengan ahli rombongan terdiri daripada pegawai AkzoNobel Malaysia serta media yang menyertai pemenang pertandingan Anugerah Bakat Muda Dulux 2012 (DETA 2012) yang memenangi hadiah lawatan sambil belajar ke Amsterdam, Belanda.

Empat pemenang DETA 2012 ialah Johnson Heng Chun Sheng dari Kolej Saito, Melissa Chong Sook Lynn (Kolej Antarabangsa Alfa), Simon Chong Sin Man (Universiti UCSI) serta pensyarah Seni Reka Bentuk Institut Seni Malaysia (MIA), Mohd Khairul Idzham Mohd Musa.

Mengaitkan tugasannya di Pusat Estetik AkzoNobel yang ditubuhkan pada 1992, Heleen bersama lapan pereka lain perlu menghasilkan warna unik memenuhi aliran semasa bertujuan memberi kemudahan pengguna membuat pilihan.

"Kita perlukan dunia yang cantik dengan warna tidak dijangka dan bagi tujuan itu, kami perlu tahu apa yang difikirkan oleh pengguna supaya dapat menyediakan warna yang tepat untuk setiap kegunaan mereka," katanya.

Katanya, pereka dalaman AkzoNobel dari seluruh dunia akan bertemu pada September untuk bertukar maklumat dan kemudian menghasilkan kombinasi warna yang dirasakan bakal menjadi permintaan pada tahun akan datang.

Mereka berkumpul baru-baru ini untuk menyediakan pelet iaitu rangkaian warna masa depan yang bakal mewarnai tahun 2013. Tema tahun depan menjurus kepada seni dan alam sekitar melihat kepada peristiwa berlaku di seluruh dunia.

Pusat Estetik AkzoNobel yang dulunya ialah ibu pejabat daerah di Sassenheim, Belanda, turut menempatkan Muzium Sikkens (Sikkens ialah jenama cat keluaran AkzoNobel di Belanda) yang memamerkan koleksi barang lama yang digunakan untuk membuat cat secara tradisional.

Ahli rombongan juga berkesempatan melawat muzium berusia lebih 200 tahun, Rijksmuseum, Amsterdam, yang kini masih ditutup kerana proses membaikpulih

ruang pameran yang memakan masa lapan tahun dan dijangka dibuka kepada umum tahun depan.

Rombongan AkzoNobel diberi peluang melihat hasil pemuliharaan oleh kumpulan pakar yang melakukan ekskavasi bangunan dalam muzium selepas menemui lukisan lama menghiasi dinding ruang pameran muzium yang telah dicat putih.

AkzoNobel bekerjasama dengan pengurusan muzium untuk menghasilkan warna cat menyamai warna sebenar lukisan asal dinding muzium. Semua 55 warna pastel yang dihasilkan cat jenama Sikkens itu diperoleh daripada cat dikikis

daripada lima peratus lukisan asal yang ditemui.

Pakar pembaikpulihan Limburg Conservation Studio (SRAL), Claudia Junge Dijkman, berkata beliau perlu memadankan warna yang dihasilkan dengan lukisan asal dilukis oleh arkitek, Pierre Cuypers, yang ditemui di kisi dalam ruang pameran muzium untuk mendapatkan hasil yang tepat.

“Kami gunakan skim warna untuk dapatkan warna purba. Oleh itu, perlu ada keseimbangan selain memastikan warna itu stabil serta tidak berubah untuk jangka masa yang panjang,” katanya yang bekerjasama dengan 60 pekerja untuk projek rekonstruksi hiasan di

Rijksmuseum.


Selain Rijksmuseum, Sikkens turut menghasilkan cat untuk bangunan teater La Scala di Milan, perkampungan nelayan di Portofino Itali dan tidak ketinggalan, Stadium Nasional Beijing untuk Olimpik 2008 yang dikenali stadium ‘sangkar burung’. Sikkens juga menghasilkan lapisan cat untuk kapal terbang dan kereta.



Alat tradisional yang **digunakan untuk mencampurkan cat** sebelum penggunaan teknologi moden.



Heleen van Gent



Ruang dalam Rijksmuseum yang mendapat sentuhan warna daripada AkzoNobel.



Pusat Estetik AkzoNobel, Amsterdam.